

Headline	Tiada makluman UNITEN Muadzam Shah ditutup		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	17
ArticleSize	329 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 32,682		



Tiada makluman UNITEN Muadzam Shah ditutup

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak menerima makluman penutupan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Cawangan Muadzam Shah, Rompin.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata pihaknya membuat semakan berkaitan isu itu namun sehingga kini, tiada sebarang notis diterima berkaitan isu berkenaan.

"Tidak sampai berita itu kepada saya, walaupun saya ada mendengar berkaitan isu sama daripada pihak luar."

"Tetapi saya nak maklumkan sehingga kini, tidak ada arahan secara terus atau pun disampaikan secara tidak langsung kepada pengetahuan saya."

"Saya juga sudah maklumkan kepada Menteri Besar Pahang (Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail) ketika beliau bangkitkan perkara yang sebegini."

"Saya kata berdasarkan maklumat yang saya semak dengan pegawai kanan saya, sama ada betulkah ada usul ini? Tetapi me-

reka maklumkan tidak ada seperti yang digembor-gemburkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 di Universiti Malaya (UM), di sini, semalam.

Sebelum ini media melaporkan Kerajaan Pahang tidak bersetuju dengan cadangan penutupan universiti berkenaan dan mahu keputusan berkenaan dan mahu ke-

Pahang pertahan universiti

Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri akan terus mempertahankan supaya universiti yang ditubuhkan pada 2001 itu tetap beroperasi di Muadzam Shah.

Beliau berkata, penutupan operasi UNITEN itu akan memberi kesan yang tidak baik kepada anak-anak muda melanjutkan pelajaran dan merencatkan ekonomi setempat.

Ketua Penerangan Dewan Pemuda PAS negeri, Ahmad Azlan Abu Bakar juga dengan Wan Rosdy dan memaklumkan penu-



Zambry hadir pada majlis Landasan Hala Tuju KPT 2024 di Universiti Malaya, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

tupan universiti itu akan memberi kesan tidak baik kepada pengajian anak muda.

"Muadzam Shah sinonim dengan gelaran hab pendidikan Pa-

hang kerana terdapatnya UNITEN, politeknik, kolej vokasional, sekolah berasrama penuh, Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) dan beberapa sekolah

harian di bawah Kementerian Pendidikan.

"Ia juga menggalakkan perkembangan ekonomi kepada penduduk setempat," katanya.